

Mengaku tak bersalah 33 pertuduhan

Bekas Pengarah Urusan FTC didakwa beri kontrak kepada anak, menantu

Oleh Fatin Hafizah Mohd Shahar
fatin@bh.com.my

Kuala Lumpur: Bekas Pengarah Urusan FELCRA Training & Consultancy Sdn Bhd (FTC) dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini, semalam, atas 33 pertuduhan menggunakan kedudukan dengan memberikan pelbagai kontrak pembekalan kepada anak dan menantunya.

Rohaizat Ahmad, 54, bagaimanapun mengaku tidak bersalah terhadap semua pertuduhan itu, selepas dibacakan di hadapan Hakim Azura Alwi.

Bagi pertuduhan pertama hingga ke-16, Rohaizat didakwa menggunakan jawatan dan kedudukan untuk mendapatkan suapan dengan melantik syarikat Al Maisan Enterprise milik menantunya, sebagai pembekal antaranya peralatan elektronik, sumbangan cenderahati, rakan strategik program latihan kemahiran, pembekal baju kurung dan baju-T berkollar.

Selain itu, bagi pertuduhan ke-17 hingga ke-33, dia didakwa melakukan kesalahan sama dengan melantik anaknya sebagai pengurus syarikat Hexa Tech Pride sebagai pembekal, antaranya cenderahati korporat, telefon pintar, projektor, komputer riba, barang elektronik dan sebagai perunding program keusahawanan.

Semua 33 kesalahan membabitkan RM1,648,810.60 itu didakwa dilakukan di FTC, No 22, Jalan Rampai Niaga 4, Rampai Business Park di sini, antara 23 April 2014 dan 27 Jun 2018.

Bagi semua perbuatan itu, tertuduh didakwa mengikut Seksyen



Rohaizat (tengah) keluar dari Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur, semalam.

(Foto Rosdan Wahid/BH)

23 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dan boleh dihukum bawah Seksyen 24 akta sama, yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000 atau mana-mana yang lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Terdahulu, Timbalan Pendakwa Raya SPM, Mahadi Abdul Jumaat, memohon mahkamah mengenakan jaminan RM150,000 dengan seorang penjamin untuk

semua pertuduhan, serta syarat tambahan tertuduh perlu menyerahterahkan pasport kepada mahkamah dan melapor diri di pejabat SPM terdekat.

Sementara itu, tertuduh diwakili peguam Hamidi Mohd Noh dan Aiman Abdul Rahman.

Hamidi bagaimanapun memohon mahkamah memberikan jaminan rendah, memandangkan tertuduh hanya berpendapatan antara RM8,000 hingga RM9,000 sebulan.

Katanya, anak guamnya juga menanggung enam anak dan dua daripadanya belajar di luar negara.

Mahkamah membenarkan tertuduh diikat jamin RM80,000 dengan seorang penjamin dan syarat tambahan, pasport tertuduh diserahkan kepada mahkamah hingga kes selesai dan melapor diri di Ibu Pejabat SPM Putrajaya, sebulan sekali.

Mahkamah menetapkan 10 Oktober ini untuk pengurusan kes.